

Radius CIO

@ UTeM

PPPK

PENERBIT
UNIVERSITI

LAMAN
HIKMAH

UTeM Berjaya Memperoleh
**PENGIKTIRAFAN PEMATUHAN
SAGA**

**Inovasi D'TASK memperoleh penarafan
Emas 4 bintang di Konvensyen Team
Excellence Peringkat Kebangsaan
(NTEEx) 2018**

**Pendaftaran
PELAJAR BAHARU DIPLOMA
SECARA MAYA (VIRTUAL)**

Karnival / Pesta Buku
**PERPUSTAKAAN
LAMAMAN HIKMAH
(KPLH) UTeM 2018**

**Pilihan Raya Kampus (PRK)
eVoting v/s mVoting**

Kepintaran Buatan di
**ERA REVOLUSI INDUSTRI
4.0** (Bahagian 2)

ISSN 2590-3640



9 772590 364008

Majlis Pelancaran

**KEMPEN MEMBACA READ@UNI INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI**

Penaung	Encik Mohd Isa Mohd Dom
Penasihat	Dr. Abdul Syukor bin Mohamad Jaya Puan Norhazlena binti Sabtu Encik Azman bin Hj Ayup Encik Nurhafidz bin Abdul Sahak
Ketua Editor Bersama	Dr. Ruziah binti Ali Puan Noornahar bte. Hj. Akashah
Editor	Encik Mohammad Dzulhisham bin Che Hassim Encik Mohd Hafizuddin bin Yusof
Pembaca Praf	Puan Siti Zurah binti Mohd Nasir Puan Noraini binti Mohd Noor
Reka Letak & Reka Bentuk	Puan Hanisah binti Hamdzah Encik Khairul Fakhru radhi bin Borhan
Urus Setia	Puan Jorafiza binti Juki

• Prakata Editor Bersama	2
• Bengkel Penyediaan Tema ICT Bagi Pelan Strategik UTeM 2021-2030	3
• Email & Spam	4
• Kepintaran Buatan di Era Revolusi Industri 4.0 (Bahagin2)	5
• Secure Socket Layer- A Certificate For All Web Developers	7
• Laman Web PPPK Berwajah Baharu	8
• UTeM Kekalkan Tradisi Berpantun Menerusi Buku Terbitan Khas Majlis Konvokesyen	9
• Pemerkasaan Sistem Maklumat Universiti (SMU)	10
• Bengkel Penerbitan Buku Ilmiah Universiti	11
• Buku Kisah Alumni UTeM Dilancarkan	12
• Inovasi D'TASK Memperoleh Penarafan Emas 4 Bintang di Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018	13
• Seminar Statistics Talk: "Statistik Memperkasa Cendekiawan"	14
• Ceramah Kempen Kesedaran Pengurangan Elektrik & Air	15
• Pemenang Persembahan Public Speaking Staf PPPK Tahun 2018	15
• Karnival Pesta Buku Perpustakaan Laman Hikmah (KPLH) UTeM 2018	16
• "Ceramah Kesedaran Penggunaan Komputer Secara Ergonomik"	17
• Latihan Kebakaran Bangunan Laman Hikmah & PBPI	18
• Lawatan Delegasi ILFA Ke Perpustakaan Laman Hikmah UTeM	19
• Program Literasi ICT Dengan Pelajar, Sekolah Rendah Arab Jaim Tun Razak Bukit Katil Melaka	22
• Pendaftaran Pelajar Baharu Diploma Secara Maya (Virtual)	23
• Pensijilan Semula ISMS (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat)	24
• UTeM Berjaya Memperoleh Pengiktirafan Pematuhan SAGA	25
• Seminar "Transisi Perpustakaan Generasi Baharu: Memenuhi Atau Syok Sendiri"?	26
• Seni Mural Suintik Kreativiti Pelajar Sekolah	27
• Suntingan Buku Inspirasi Permulaan Berkarya	28
• Apa Itu Eduroam?	29
• Eduroam Manual	30
• Revolusi Pembangunan Era Komunikasi Bersepadu UTeM	31
• Aku Datang Memenuhi Panggilan Mu...	32
• Belasungkawa Khairul Redzwan Md. Ali	36
• Peka Bahasa (Biasakan Yang Betul Betulkan Yang Biasa)	37
• Tahniah Kenaikan Pangkat, Pertukaran Dalam, Berhenti	38

Prakata Editor Bersama

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 UTeM,

ALHAMDULILLAH SYUKUR KE HADRAT ILAHI.

RADIUSCIO@UTEM BIL 2/2018 dapat diterbitkan juga akhirnya. Kami di RADIUSCIO@UTeM memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan untuk kami meneruskan usaha dalam menerbitkan RADIUSCIO@UTeM.

Penerbitan kali ini meneruskan paparan yang menyentuh aktiviti yang berlaku sepanjang tahun 2018. Bahagian kedua pencoretan pengalaman menjejak kaki di bumi Anbiya diteruskan. Disamping itu dipaparkan pencapaian dalam mempertingkatkan urusan dengan penggunaan teknologi ICT seperti urusan Pendaftaran Pelajar Baharu Diploma pada sesi kemasukan 2018/2019 dan pelaksanaan Pilihan Raya Kampus secara mobile voting (m-Voting). Kaedah ini benar-benar meningkatkan peratusan pengundian. Diketengahkan Revolusi Industri 4.0 dari sudut penggunaan

yang memberi manfaat kepada manusia – tugas harian dapat dipertingkatkan bagi mendapat penghasilan yang optimum.

Kami di RADIUSCIO@UTeM masih terus memperlihatkan berbagai aktiviti dan program dari setiap PTJ di bawah tadbir urus Pejabat CIO dalam usaha memperkasakan kecemerlangan prestasi dan merealisasikan misi dan visi UTeM. Diharapkan agar paparan kali ini dapat menambah ilmu dan mencambah idea. Setiap kecemerlangan luar biasa memerlukan langkah dan tindakan yang luar biasa. Kecemerlangan dicapai tanpa meniadakan insan yang berihsan. Kami berharap apa yang dipaparkan buat warga UTeM dapat sama-sama dimanfaatkan dan Sepakat Bersama Dalam Mendakap Teknologi, Menyingskap Revolusi, Melengkap Insani.

Wassalam.

Bengkel

PENYEDIAAN TEMA ICT

bagi

PELAN STRATEGIK UTeM

2021-2030

Oleh : Rafizah Mahfoz

Perancangan dan hala tuju ICT adalah penting bagi memastikan inisiatif dan projek ICT selari dengan hala tuju dan matlamat organisasi. Selaras dengan perkembangan semasa dan dalam mendepani era Revolusi Industri terkini dalam bidang teknologi dan digital, wajar diperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan maklumat berasaskan ICT di UTeM.

Rentetan daripada hasil dapatan Bengkel Semakan Semula Perancangan Strategik 2012-2020 dan Penyediaan Dokumen Pelan Strategik 2021-2030, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah bersetuju agar tema ICT dijadikan satu tema yang baharu. Sehubungan dengan itu, satu bengkel Pelan Strategik Universiti - Tema ICT telah diadakan pada 10-11 November 2018 di Hotel Kobemas, Melaka. Bengkel yang dihadiri oleh staf dari Pejabat CIO, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dan Penerbit Universiti (PU), bertujuan untuk memperkasakan tahap keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan maklumat berasaskan ICT agar memastikan sasaran dan hala tuju dapat direalisasikan dan sejajar dengan misi dan visi UTeM.

Pada hari pertama, bengkel telah dimulakan dengan kata aluan dari Mohd. Isa Mohd. Dom Ketua Pegawai Maklumat. Beliau menyatakan hasrat dan hala tuju yang perlu dilihat oleh semua peserta bengkel adalah, di mana kita akan berada pada 5 hingga 10 tahun akan datang. Sesi kedua telah disambung oleh Dr. Abdul Karim Mohamad, Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR). Abdul. Karim telah berkongsi dengan semua peserta berkaitan keadaan semasa, dapatan, cabaran dan cadangan terbitan daripada bengkel awal Pelan Strategik 2021-2030 UTeM, merangka hala tuju Pejabat Ketua Pegawai Maklumat selaras dengan keperluan penajajaran semula kerangka Pelan Strategik UTeM 2012-2020 kepada Pelan Strategik UTeM 2021-2030 serta tindakan pelaksanaan strategi dan pencapaian prestasi pengurusan UTeM, dan menggarispandukan mekanisme gerak kerja Pejabat Ketua Pegawai Maklumat agar UTeM mencapai

sasaran Pelan Strategik dan kekal berada di dalam kedudukan atau landasan yang betul menjelang tahun 2030.

Sesi ketiga pula telah disampaikan oleh Shirley Leong, Account Technology Strategist, Microsoft Malaysia di mana beliau telah berkongsi berkaitan *trend* masa kini pengajian tinggi di dunia, apakah cabaran utama yang mungkin dihadapi, teknologi yang semakin berkembang dengan pesat dan lain-lain yang boleh dijadikan garis panduan dalam menyediakan halatuju tema ICT.



Bengkel disambung dengan sesi perbincangan di mana setiap PTj diminta untuk menyenaraikan apakah teknologi yang boleh mengganggu operasi sedia ada, hala tuju jangka pendek (5 tahun) dan hala tuju jangka panjang (10 tahun), selain menyemak semua visi dan misi PTj masing-masing, adakah ia masih relevan untuk digunakan bagi 10 tahun akan datang. Pada akhir bengkel, ketiga-tiga PTj telah membentangkan visi dan misi yang baru, hala tuju serta halangan dan gangguan yang mungkin akan berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang.

INBOX (68)

DRAFT

SENT MAIL

SPAM (221)

TRASH

EMAIL & SPAM

Sehingga saat rencana ini ditulis, UTeM mempunyai lebih kurang 10 ribu pengguna *email* yang berdaftar. Jumlah ini termasuk pelajar alumni. *Email* digunakan secara aktif oleh semua warga kampus untuk pelbagai tujuan. Maka tidak hairan kebelakangan ini banyak *email spam* dilaporkan. Beberapa akaun *email* pula terpaksa dinyahaktif buat sementara waktu bagi mengatasi masalah ini.

Spam adalah jenis *email* yang sama sekali tidak diingini oleh penerima *email* berikutan ia mengandungi pelbagai iklan yang mengganggu dan tidak berkepentingan. Berikut adalah contoh *email spam* yang sering dilihat di *email* UTeM,



Not only do you risk comprising your security and infecting your computer with malware - viruses and so on - you also reward and encourage the spammers.

- Tidak membalas *email spam*.
- Tidak mengugut pihak *spammers*. Mungkin ada *email* akan dibaca oleh individu berkenaan dan mereka juga mempunyai hak! Mengugut juga boleh mengakibatkan tindakan undang-undang diambil.
- Elakkan opsyen 'unsubscribe'. Mungkin pengguna berhasrat untuk menghentikan *email* tersebut, tetapi tindakan ini boleh menyebabkan lebih banyak *spam email* diterima.
- Menggunakan *email* tidak rasmi untuk urusan tidak rasmi. Pengguna boleh menggunakan akaun tidak rasmi untuk tujuan membeli barangan atau interaksi sosial. Jika pengguna dapati *email* tersebut banyak menerima *spam*, hanya perlu buang *email* akaun tersebut!
- Berhati-hati ketika memberi alamat *email* rasmi
- Tidak memaparkan alamat *email* sebenar di dalam laman web. *Spammers* akan menjadikan senarai *email* sebagai sasaran mudah.
- **Munging**. Cara mudah untuk memaparkan alamat *email* tanpa menyebabkan *email* pengguna dicuri. Contoh : 'a at b dot com' atau user [at] utem dot edy dot my

Bagaimana email spam ini terjadi?

Spammers menggunakan pangkalan data untuk menyimpan berjuta data *email* pengguna. Pengguna boleh menerima *spam* kerana :

- Berinteraksi di dalam *newsgroup*
- Sign up perkhidmatan internet yang memerlukan alamat *email*
- Memaparkan alamat *email* di dalam laman web
- Memberikan maklumat *email* kepada peniaga online (Lazada, Shopee dan lain-lain)

Bagaimana cara untuk menghentikan email spam

Cara terbaik untuk mengatasi *email spam*, adalah dengan cara menggunakan *email* dengan baik!

- Tidak atau elakkan diri dari klik sebarang *link* yang diragui.
- Tidak membeli sebarang barangan dari *spammers*.

<http://www.bbc.co.uk/webwise/guides/stopping-spam-emails>

Kami dari Unit Pengurusan Dokumen, Bahagian Pengurusan Pengetahuan, PPPK berharap maklumat ini sedikit sebanyak dapat membantu semua dalam pengurusan *email* kita.

Kepintaran Buatan di **ERA REVOLUSI INDUSTRI** **4.0** (Bahagian 2)

Oleh: Abdul Syukor Mohamad Jaya

Kepintaran buatan telah digunakan secara meluas sejak beberapa dekad yang lalu. Dari sistem pakar mengenal pasti penyakit sehingga permainan yang mampu menewaskan manusia. Kehadiran Revolusi Industri 4.0 telah menggalakkan lagi penggunaan kepintaran buatan untuk mengatasi cabaran data yang terlalu banyak atau lebih dikenali sebagai data raya (*big data*). Trend revolusi data raya telah mengubah cara kepintaran bertindak daripada pendekatan didorong pengetahuan (*knowledge-driven*) kepada pendekatan didorong data (*data driven*). Syarikat atau organisasi yang memperolehi dan menyimpan data yang banyak seperti bank dan syarikat telekomunikasi, akan membuat keputusan selepas menganalisa data-data tersebut. Justeru, kaedah data analitik digunakan bagi membantu syarikat dan organisasi memproses data dan menjadikan ianya data bermanfaat kepada pihak pengurusan, di samping penggunaan kepintaran buatan yang membantu pihak pengurusan membuat keputusan selepas data tersebut diproses. Kini, data adalah mutiara yang sangat berharga kepada sesebuah syarikat dan organisasi. Data yang diproses menjadi informasi atau pengetahuan akan membolehkan syarikat merangka strategi dan halatuju syarikat dengan lebih cepat dan tepat.

Mengetahui Ciri-Ciri Pelanggan

Menggunakan Teknik Pembelajaran Mesin

Pembelajaran mesin (*machine learning*) dan pembelajaran mendalam (*deep learning*) adalah salah satu teknik kepintaran buatan yang sangat luas digunakan dalam membantu manusia membuat keputusan berdasarkan data raya yang diperolehi. Sebagai contoh, Rogers Communication adalah sebuah syarikat rangkaian komunikasi bergerak yang ditubuhkan di Kanada. Selain daripada perkhidmatan selular, Rogers juga menyediakan perkhidmatan TV kabel, internet dan servis talian komunikasi untuk berjuta pelanggan di Kanada. Syarikat ini telah menggunakan kaedah pembelajaran mesin bagi mengenalpasti perincian pelanggan yang membuat panggilan dengan cepat, seterusnya mengetahui apa yang pelanggan perlukan. Syarikat ini telah menggunakan analisis berprestasi tinggi dengan pendekatan didorong data untuk perkhidmatan pelanggan. Hal ini sudah tentu akan memberikan perkhidmatan yang tepat dan cekap kepada pelanggan mereka. Kaedah ini juga telah membantu Rogers meramalkan kepuasan pelanggan.

Memahami Interaksi Menggunakan

Teknik Pemrosesan Bahasa Semulajadi

Pemrosesan Bahasa Semulajadi (*natural language processing*) merupakan teknik kepintaran buatan yang membolehkan pemahaman, interaksi dan komunikasi antara manusia dan mesin berlaku. Dalam bidang perniagaan, teknik ini dapat mengekstrak pemahaman perniagaan yang penting dan trend yang muncul daripada kandungan yang mempunyai jumlah yang besar, samada ianya berstruktur atau tidak berstruktur. Kaedah ini juga membolehkan syarikat yang mempunyai pelanggan yang ramai seperti Bank of Scotland menganalisa sentimen pelanggan sama ada negatif atau positif, dengan menggunakan teks analisis. Maklumbalas pelanggan seperti komen media sosial, perbualan audio telefon dan video di kaunter bank dianalisa untuk membuat keputusan yang lebih tepat dan cepat.

Mencari Bintang Bola Sepak Baru

Melalui Penglihatan Komputer

Data raya yang berbentuk video juga boleh diekstrak bagi menghasilkan informasi yang boleh digunakan bagi tujuan membuat keputusan. SciSports merupakan sebuah syarikat penganalisis sukan yang menggunakan data streaming, dan mengaplikasikan pembelajaran mesin, pembelajaran mendalam dan kepintaran buatan bagi menangkap dan menganalisa data raya berkaitan pemain bola sepak. Algoritma pembelajaran mesin digunakan bagi mengira kualiti, bakat dan nilai bagi 90,000 pemain. Hal ini akan membantu kelab bola sepak bagi mencari bakat baru, mengenalpasti pemain yang mempunyai kemampuan tertentu dan menganalisa pemain lawan mereka. Sebagai contoh, sebuah kelab liga profesional di Belanda telah mengenal pasti seorang bakat baru dari sebuah kelab divisyen 2. Kelab ini telah melihat indeks SciSkill pemain yang dikeluarkan oleh SciSport dan mendapati pemain ini mempunyai indeks yang baik. Setelah bermain di liga profesional selama dua tahun, pemain baru ini telah menjadi antara penjarang terbanyak liga. *BallJames* adalah teknologi penjejak *real-time* yang dilengkapi dengan 14 buah kamera bagi setiap perlawanan, dan sistem ini akan menghasilkan data 3D daripada video. Antara data yang dinilai ialah berkenaan ketepatan, halatuju dan kelajuan hantaran bola, kelajuan larian dan ketinggian lompatan pemain. Data ini membantu jurulatih mengatur strategi dan mengetahui kemampuan para pemain mereka dengan lebih tepat.

Ramalan Pelanggan dan Pengoptimuman

Kos Operasi Melalui Data Analitik

Data raya juga boleh dianalisa dan dimanfaatkan bagi tujuan ramalan dan pengoptimuman operasi. Honda di Amerika Syarikat telah menggunakan analitik data bagi tujuan ramalan bilangan kenderaan yang ada dijalanan bagi menjangkakan bilangan pelanggan yang akan datang ke premis-premis pengedar mereka. Hal ini membantu syarikat membuat persiapan alat ganti yang perlu ada di dalam stor dan staf teknikal yang perlu mereka ambil untuk bekerja bagi memenuhi keperluan pelanggan. Data analitik juga digunakan bagi mengoptimumkan kos operasi tuntutan waranti, dengan mengenalpasti dengan

lebih tepat dan cepat bagi tuntutan pelanggan yang memenuhi syarat dan tuntutan yang tidak memenuhi syarat. Kaedah ini telah meningkatkan prestasi pengecaman tuntutan yang tidak memenuhi syarat daripada 35% kepada 76%. Seterusnya, kos pekerja juga telah berjaya dikurangkan kepada 52%.

Data Raya dan Kepintaran

Buatan di UTeM

UTeM yang kini mempunyai 11,132 orang pelajar dan telah melahirkan 26,455 graduan mahir tentunya mempunyai data raya yang dapat dimanfaatkan bagi membantu pihak pengurusan universiti merancang dan menentukan halatuju jangka panjang universiti. Data yang disimpan perlulah diproses, dipapar dan dianalisa supaya setiap keputusan yang dibuat adalah berdasarkan fakta dan rajah (*fact and figure*). Bahagian Pengurusan Teknologi, Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) bersama Bahagian Pengurusan Pengetahuan, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) telah menjalankan projek dashboard dengan memproses data raya maklumat staf dan pelajar, artikel yang diterbitkan oleh UTeM, geran penyelidikan dan prestasi akademik untuk dijadikan rujukan pihak pengurusan universiti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi membantu mereka membuat keputusan. Namun begitu, elemen kepintaran buatan harus perlu diterapkan agar keputusan dan ramalan dapat dibuat oleh sistem berdasarkan trend data raya yang diproses.

SECURE SOCKET LAYER - A CERTIFICATE FOR ALL WEB DEVELOPERS

Oleh: Mohd Firdhaus Md Razali


SSL atau dikenali sebagai *Secure Socket Layer* adalah suatu standard teknologi yang perlu untuk menubuhkan satu pautan yang sulit di antara server dan pengguna (client), sebagai contoh web server (*website*) dengan pelayar web atau server mail dengan pengguna mel (client).

FUNGSI SSL

SSL membenarkan maklumat yang berbentuk sensitif seperti nombor kad kredit, , nombor kad pengenalan dan maklumat log masuk ke *website* dapat dihantar dengan selamat. Kebiasaannya, data dihantar antara pelayar web dengan *server* web adalah dalam bentuk teks biasa. Di mana kebarangkalian data tersebut dapat dipintas dan dibaca oleh penyerang siber.

Bagaimana mengenal pasti web ada SSL

Untuk mengenal pasti suatu laman web mengaplikasikan SSL, kita dapat lihat pada bahagian atas pelayar web.



Sekiranya terdapat icon "*padlock*" di *url address* tersebut, ini bermakna laman web tersebut menggunakan SSL dan ia selamat untuk dilayar. Laman web yang tiada icon "*padlock*" bermaksud SSL tidak diaplikasikan ke dalam laman web tersebut dan pengguna yang melayarinya bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kebocoran data.

RISIKO TIDAK MENGGUNAKAN SSL

- Data anda tidak disulitkan. Serangan MITM (*Man In The Middle*) berkemungkinan terjadi pada pengguna di mana data yang dihantar akan diubah dan akan siarkan secara rahsia sekaligus menyebabkan pengguna mengalami kerugian
- Memandangkan pengguna tidak mempunyai *EV SSL certificate*, sesiapa yang mempunyai niat yang jahat boleh menyamar dan mengumpul data atau menipu pengguna membuatkan anda yang bertanggungjawab sepenuhnya.
- Perpindahan data atau maklumat rahsia dari komputer atau pusat data berkemungkinan mengalami kebocoran ke dunia luar.
- Pelayar web akan menunjukkan bahawa laman web tidak selamat untuk di layar yang akan menyebabkan kerugian pada pembangun web.
- Masalah-masalah di atas akan menyebabkan jenama produk menerima komen-komen yang negatif dari pengguna *online* mahupun *offline*.
- Pengunjung laman web akan berkurangan dan akan melayar laman web yang mempunyai SSL. Ini akan mengakibatkan bisnes merudum.

<https://www.https.in/blog/top-5-risks-of-not-having-an-ssl-certificate-on-your-website/>

PPPK

Berwajah Baharu


Oleh: Azilina Md Buang

PPPK memperkenalkan reka bentuk baharu laman web rasmi yang kini lebih efektif dengan pelbagai saluran informasi dan fungsi terkini dalam capaian lebih mudah dan interaktif. Menerusi portal ini, PPPK memperkenalkan reka bentuk terbaharu lengkap dengan ciri-ciri terkini mengikut kriteria-kriteria yang perlu ada bagi setiap laman web.

Objektif utama reka bentuk baharu itu adalah untuk memberi tumpuan kepada kandungan di dalam laman web itu sendiri sekaligus mampu menyalurkan maklumat lebih menarik dan berinformatif.

Selain berwajah baharu yang menampilkan reka bentuk yang lebih segar dan berinteraktif, mesra pengguna, susun atur halaman mudah dibaca, dan fungsi baharu web itu juga turut dilaksanakan. Fungsi baharu web merujuk kepada menu mudah diselaraskan, navigasi jelas dan susun atur yang penuh informasi kini lebih kemas dan boleh diakses menerusi komputer peribadi dan telefon pintar mudah alih.





UTeM

Kekalkan Tradisi

BERPANTUN MENERUSI

BUKU TERBITAN KHAS

Majlis Konvokesyen

Oleh: Fatonah Salehuddin

Pantun adalah suatu bentuk puisi asli hasil kreativiti masyarakat Melayu yang sangat indah dan disampaikan secara halus berseni menggunakan bahasa yang berangkap. Ianya merupakan wadah dalam mengungkapkan fikiran dan rasa hati tentang kehidupan, peristiwa dan perkara yang berkaitan.

Ke arah memelihara warisan kesenian tersebut, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerusi Penerbit Universiti telah menerbitkan buku terbitan khas berjudul 'Pesona Ilmu Cemerlang Adiwangsa' yang mencatatkan hampir 70 buah pantun.

Naskhah setebal 100 muka surat tersebut adalah kesinambungan penerbitan khas sejak tahun 2010 dan merupakan buah tangan sempena Majlis Konvokesyen UTeM yang memaparkan dan menceritakan kejayaan serta pencapaian universiti dalam bentuk rangkap pantun.

Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts Dr. Shahrin Shahib, menzahirkan kebanggaan atas penerbitan buku ini dan mahu ianya terus diterbitkan saban tahun kerana selain memaparkan keunikan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal yang masih mengekalkan tradisi berpantun, buku ini juga memartabatkan penggunaan tulisan jawi yang kini kian dilupakan.

Merealisasikan hasrat tersebut, Penerbit Universiti telah menjemput Ketua II Persatuan Penulis Negeri Melaka (PENAMA), Ahmad Zauawi Che Cob untuk berkongsi ilmu bagi memantapkan lagi penyediaan pantun buku Terbitan Khas Majlis Konvokesyen UTeM ke-14 pada bengkel Penyediaan Pantun yang telah diadakan pada 6 hingga 8 Ogos 2018 di Melaka.

Pada bengkel tersebut, para pemantun diberi pendedahan akan nilai estetika pantun yang perlu diseimbangkan dengan pemilihan kata dalam pembayang dan maksud, kepentingan irama, jumlah kata, jumlah suku-kata, pertentangan bunyi, perkaitan pembayang dan maksud, eufoni, emotif, kolokasi, nilai rasa dengan bentuk dan jenis-jenis pantun yang dicipta.

Menurut Ketua Pegawai Maklumat merangkap Ketua Editor, Mohd Isa Mohd Dom, pengiktirafan yang diterima pada Anugerah Buku Negara tahun 2017 bagi kategori Buku Biografi Terbaik (Institusi) menerusi terbitan khas 'Ujana Ilmu Lestari Kejayaan', membuktikan keunikan buku ini dan signifikan sebagai buku cenderahati eksklusif UTeM. Buku Terbitan Khas 'Pesona Ilmu Cemerlang Adiwangsa' telah diedarkan kepada para tetamu kehormat pada Majlis Konvokesyen UTeM ke-14.

Pemeriksaan Sistem Maklumat Universiti (SMU)



Oleh : Hayani Abu Yamin

Penggunaan Sistem Maklumat atas talian merupakan salah satu kepentingan dalam era globalisasi kerana berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi. Dengan mengaplikasikan sesuatu sistem maklumat atas talian, sesebuah organisasi dapat mencapai maklumat dengan mudah dan cepat dan ini dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang cekap dan berkesan.

Selaras dengan visi dan misi organisasi, PPPK sentiasa memastikan Sistem Maklumat Universiti berjalan seiring dengan keperluan pengguna dan pemegang taruh dari semasa ke semasa. Beberapa sistem dan modul baharu telah dibangunkan dan dilaksanakan dengan tujuan mendokong dan menyokong ke arah persekitaran dunia digital masa kini.

e-Dashboard UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Status	Bilangan Penemuan 1/2018	Jumlah
Tiada Tindakan	0	0
Dalam Tindakan	12	12
Selesai	0	0
Jumlah	12	12

Sistem eDashboard Audit

Sistem ini digunakan untuk merekod maklumat berkenaan dengan penemuan audit di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Setiap penemuan dan maklum balas akan direkodkan secara atas talian. Akses diberikan kepada semua penyelarasa PTj dan Pejabat Audit Dalam merupakan pemilik kepada sistem ini.

Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan, setiap status ke atas penemuan yang direkodkan dipaparkan dengan menggunakan kod warna. Tiga kod warna digunakan iaitu Merah -> Tiada Tindakan, Kuning -> Dalam Tindakan dan Hijau -> Selesai. Penemuan dan perkembangan ini dibentangkan di dalam Jawatankuasa Audit yang dipengerusikan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Bengkel PENERBITAN BUKU ILMIAH UNIVERSITI

Oleh: Rahizah Abdul Rahman



berkaitan penilaian, penyuntingan dan pembacaan pruf terhadap sesebuah manuskrip.

Penceramah jemputan yang merupakan nama besar dalam bidang penerbitan ilmiah di Malaysia ini adalah Pengarah Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Profesor Dr. Roosfa Hashim yang telah bersama-sama berkongsi pengalaman yang amat berharga.

Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts Dr. Shahrin Sahib dalam ucapan perasmian berkata, bengkel ini merupakan platform yang begitu signifikan dan mampu melakar langkah yang lebih berdaya maju dalam konteks penerbitan buku ilmiah bagi UTeM.

Pada 9 dan 10 Ogos 2018 Penerbit Universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Bengkel Penerbitan Buku Ilmiah Universiti, bertempat di Hotel Mahkota, Melaka. Bengkel dua hari ini merupakan inisiatif Penerbit Universiti dalam mengatur cara arah strategik serta berimpak dalam konteks penerbitan buku ilmiah secara meluas dan bersepadu.

Menurut Pengarah Penerbit Universiti, Nurhafidz Abdul Sahak, bengkel yang disertai oleh ahli Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah Universiti (JKPIU) bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli JKPIU yang baharu dilantik bagi tempoh dua tahun bermula 2 Januari 2018 sehingga 1 Januari 2020





Buku Kisah ALUMNI UTeM

Oleh: Mohammad Dzulhisham Che Hassim **Dilancarkan**

Pesta Konvo UTeM ke-14 pada 27 November 2018, menjadi tapak berlangsungnya sejarah pada Penerbit UTeM. Buku 'Anjakan Paradigma Mendepani Cabaran Alumni UTeM' yang menghimpunkan kisah kejayaan alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilancarkan sempena Perasmian Pesta Konvo UTeM ke-14 yang berlangsung di kampus induk UTeM.

Pelancaran buku terbitan Penerbit UTeM itu disempurnakan oleh Pro-Canselor UTeM, Datuk Wira Ismail Saleh dan turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali serta pengurusan tertinggi universiti.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib berkata, selain mengetengahkan kisah kejayaan alumni UTeM dalam pelbagai bidang, buku ini juga adalah usaha dalam menyediakan pangkalan data serta maklumat kebolehpasaran graduan. "Naskhah ini diterjemahkan melalui sorotan perjalanan mereka (para alumni) bermula dari kehidupan melanjutkan pengajian di UTeM sehingga berjaya dalam kerjaya masing-masing dan diharap ianya akan memberi inspirasi kepada warga universiti," katanya.

Buku hasil karya Pegawai Penerbitan Kanan, Dr. Ruziah Ali bersama Ketua Pegawai Maklumat, Mohd Isa Mohd Dom itu menampilkan 11 orang alumni UTeM yang telah menempa nama dalam bidang industri, keusahawanan, komuniti serta pengurusan dan pentadbiran.

Antara tokoh yang ditonjolkan dalam buku tersebut adalah Ketua Pegawai Operasi, CyberSecurity Malaysia, Dr. Zahri Yunos, Ketua Mekanikal dan Operasi, CTRM Sdn. Bhd., Zulfadhli Idrus dan Eksekutif Teknologi Digital, Petroliaam Nasional Berhad, Loganesh S. Sivabalan.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UTeM, Nurhafidz Abdul Sahak berkata, kejayaan menerbitkan buku berkenaan telah mencatatkan sejarah bagi Penerbit UTeM kerana ia merupakan judul pertama dalam kategori karya kreatif yang diterbitkan. Menurutnya, walaupun Penerbit UTeM telah menerbitkan lebih 200 judul karya ilmiah namun berbangga kerana naskhah sulung karya kreatif tersebut berjaya diterbitkan dan dilancarkan. "Penerbit UTeM menjangkakan akan menerbitkan lebih banyak judul karya kreatif pada tahun hadapan namun karya ilmiah tetap menjadi keutamaan kerana ia merupakan 'core business' sesebuah penerbit universiti," katanya.

Inovasi D'TASK memperoleh penarafan Emas 4 bintang di Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018

Oleh: Norshahila Che Din dan Norazizah Md Tahir



Budaya inovasi terus dipergiatkan dikalangan staf PPPK sebagai medium untuk percambahan dan memupuk idea kreatif ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti. Kumpulan techITez menerusi projek keduanya yang dinamakan D'TASK sekali lagi telah meraih pelbagai kejayaan dan pengiktirafan yang amat membanggakan.

D'TASK merupakan idea inovasi dalam menambahkan proses kerja di Jabatan Infrastruktur

ICT, PPPK. Menerusi inovasi ini, kawalan pengagihan kerja dipertingkatkan di mana setiap tugas/task diberi jumlah jam atau manhours untuk dilaksanakan. Inovasi ini telah dibantu dengan pelaksanaan sistem berkomputer secara atas talian. Hasilnya, proses kerja menjadi lebih sistematik dan pemantauan kerja lebih efektif. Idea kreatif inovatif ini adalah SANGAT FLEKSIBLE dan berpotensi dilaksana di semua agensi yang mementingkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Kumpulan techITez telah mewakili UTeM di Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018 bersempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) di Sunway Pyramid Convention Centre). Konvensyen ini telah disertai oleh 305 kumpulan daripada pelbagai organisasi dan agensi kerajaan mahupun swasta. techITez telah menerima penarafan emas 4 bintang di Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2018. Semoga usaha dan kejayaan ini menjadi pemangkin dalam membudayakan pemikiran yang kreatif dan inovatif di kalangan warga universiti amnya.

Sorotan kejayaan & pengiktirafan

Bil	Konvensyen	Lokasi	Tarikh	Pengiktirafan
1	Konvensyen KIK UTeM	Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi	21 Mac 2018	Johan (Kategori Pengurusan)
2	Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah (RTEEx)	Royale Chulan Damansara Selangor	24 – 25 Julai 2018	Penarafan Emas
3	Konvensyen KIK UA - EUREKA	Universiti Malaya 1	4 – 16 Ogos 2018	Penarafan Perak
4	Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEEx) – APIC	Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)	13 – 15 November 2018	Penarafan Emas 4 Bintang

Ahli-Ahli Kumpulan techITez

- Hayani Binti Abu Yamin (Failitator)
- Al-Qais Bin Alias (Ketua)
- Hisamudin Bin Kamarudin
- Mohd Fairuz Bin Taib
- Rozana Binti Abu Bakar
- Rapiza Binti Ishak
- Mazura Binti Mustafa
- RizathulEmma Binti Taib
- Noorazlina Binti Yusof
- Mohd Hanafi Bin Hasan
- Hazilah Binti Hamid

SEMINAR STATISTICS TALK: “STATISTIK MEMPERKASA CENDEKIAWAN”

Oleh: Nor Ilyah Othman

Hari Statistik Negara (HSN) disambut pada 20 Oktober setiap tahun bermula pada tahun 2017. HSN bertujuan untuk meningkatkan kefahaman semua lapisan masyarakat terhadap kepentingan statistik dan mengiktiraf sumbangan ahli statistik di negara ini.

Peningkatan literasi statistik dalam kalangan pengguna statistik dan komuniti di negara ini merupakan fokus masa kini. Ia juga merupakan inisiatif bagi memupuk kesedaran dan merakyatkan statistik di kalangan masyarakat Malaysia dengan membawa tema “Data Berkualiti Kehidupan Sejahtera”.

Sempena sambutan Hari Statistik Negara 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia Zon Selatan dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan seminar bertajuk “Statistik Memperkasa Cendekiawan” yang telah dirasmikan oleh Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib, Naib Canselor pada 18 Oktober 2018 bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi, UTeM.

Seramai 248 peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada staf dan pelajar UTeM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kolej Yayasan Saad serta wakil Jabatan Perangkaan Malaysia Zon Selatan merangkumi Melaka, Johor dan Negeri Sembilan. Seminar ini merupakan sebahagian daripada pengisian program “Road to Hari Statistik Negara 2018” yang telah diadakan di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada 20 Oktober 2018.

Antara objektif penganjuran seminar ini adalah mengenali Jabatan melalui penerangan tentang fungsi, peranan dan kepentingan Jabatan Perangkaan Malaysia dalam penjaan statistik rasmi, meningkatkan literasi dan celik statistik di kalangan warga UTeM, meningkatkan pendedahan mengenai Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020 serta mempromosikan aktiviti-aktiviti Jabatan Perangkaan Malaysia seperti *World Statistics Congress (WSC) 2019*, Banci Perdagangan Edaran 2019 (CDT 2019) serta Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isirumah 2019 (HIES 2019).

Bagi *Bicara Stats*, sebanyak empat kertas seminar telah dibentangkan oleh wakil dari Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu Mengenali Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *My Local Stats*, *How to Make Statistic Interesting* serta Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Selain itu, pameran mini Jabatan Perangkaan Malaysia Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Banci 2020 serta Perpustakaan Laman Hikmah turut diadakan di Ruang Legar Dewan UTeM 1.

Kerjasama ini diharapkan dapat merapatkan lagi hubungan strategik di antara kedua-dua pihak seperti mana yang dipersetujui melalui Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani di antara UTeM dengan Jabatan Perangkaan Malaysia pada 15 Ogos 2017.




Ceramah Kempen Kesedaran Pengurangan **ELEKTRIK & AIR**

Oleh: Siti Zurah Mohd Nasir

Demi menyokong hasrat UTeM mengambil langkah berjimat-cermat dalam menggunakan sumber secara berhemah, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) terpanggil untuk berkongsi ilmu pengetahuan berkaitan Kempen Kesedaran Pengurangan Elektrik Dan Air.

Ceramah kesedaran ini telah diadakan pada 6 Ogos 2018 dan disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Musthafah Mohd Tahir, Timbalan Pengarah Pusat Kelestarian Dan Alam Sekitar (PKA) dengan kehadiran seramai 59 orang staf.

Semua staf disaran bersungguh-sungguh dalam melaksanakan kempen kesedaran dan menjalankan aktiviti kempen penjimatan air, penyiraman pokok, penjimatan tenaga dan kitar semula ke arah amalan hijau di persekitaran PPPK.



PEMENANG PERSEMBAHAN PUBLIC SPEAKING STAF PPPK TAHUN 2018

Oleh: Siti Zurah Mohd Nasir

Sepanjang tahun 2018 telah dijalankan aktiviti pengucapan awam secara berkumpulan yang dibahagikan mengikut bahagian pejabat PPPK. Sepertimana yang telah dimaklumkan di awal penerbitan RADIUSIO@UTeM Edisi 1 Bil. 1/2017, PPPK telah melancarkan Kempen Membudayakan Bahasa Inggeris di kalangan staf. Pertandingan pengucapan awam ini mendapat sambutan hangat dikalangan staf dan setiap kumpulan telah berusaha memberikan terbaik. Pengumuman pemenang dan hadiah telah disampaikan oleh Pengarah PPPK pada 8 Oktober 2018. Berikut adalah butiran pemenang :



KATEGORI	PEMENANG	TEMPAT
PERTAMA	BAHAGIAN TEKNOLOGI KREATIF	TROFI PUSINGAN WANG SAGUHATI RM150
KEDUA	BAHAGIAN PENTADBIRAN	WANG SAGUHATI RM100
KETIGA	BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT	WANG SAGUHATI RM70
KEEMPAT	BAHAGIAN PROGRAMMER	WANG SAGUHATI RM50

Kempen Membudayakan Bahasa Inggeris ini akan dilaksanakan pada tahun akan datang dengan objektif untuk membudayakan penggunaan Bahasa Inggeris dalam urusan kerja harian.

Karnival / Pesta Buku PERPUSTAKAAN LAMAM HIKMAH (KPLH) UTeM 2018

Oleh: Norshahila Che Din dan Norazizah Md Tahir

Penganjuran Karnival/Pesta Buku Perpustakaan Laman Hikmah (KPLH) UTeM 2018 merupakan tahun kedua penganjurannya oleh Perpustakaan Laman Hikmah (PLH). KPLH telah diadakan pada 26 hingga 29 September 2018 yang menggabungkan dua aktiviti utama PLH iaitu Pesta Buku dan Library Day 2.0.

KPLH menjadi satu medan untuk menarik pengunjung khususnya warga UTeM untuk datang dan memanfaatkan kemudahan yang disediakan di PLH di samping membudayakan amalan membaca di UTeM. KPLH juga menjadi platform kepada staf akademik untuk melakukan pemilihan bahan rujukan bagi tahun 2019 dan menjulang nama PLH dan UTeM dalam penyediaan sumber rujukan kepada warga universiti.

Majlis perasmian KPLH telah disempurnakan oleh YBhg Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib, pada 26 September 2018. Turut hadir ialah Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Mohd Isa Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat, dan pegawai-pegawai kanan universiti.



KPLH yang berlangsung selama empat hari ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti, pertandingan, pameran dan gerai jualan makanan serta minuman. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Pertandingan Inovasi Waste to Product, Pertandingan Environment Hunt, Pertandingan Minda Kreatif, Pertandingan Virtual Games, Pertandingan Steps of Fortune,



Pertandingan *Clever Star Indoor Games*, Ceramah Motivasi, Buskers dan pelbagai lagi. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan mendapat sambutan daripada warga universiti termasuk para pelajar dan pensyarah serta masyarakat di sekitar UTeM. Dua aktiviti kali ini dianjurkan bersama PLH dengan Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar (PKA) UTeM iaitu larian santai *Environment Fun Run* dan Pertandingan *Inovasi Waste to Product*.

Pertandingan *Inovasi Waste to Product* dimana peserta dikehendaki menjadikan bahan terbuang dapat digunakan semula sebagai produk berguna telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 12 penyertaan daripada sekolah-sekolah menengah di Negeri Melaka. Larian santai *Environment Fun Run*, memerlukan para peserta berlari sejauh 5 kilometer di sekitar kawasan kampus, juga telah berjaya mendapat penyertaan melebihi 200 orang dari pelajar, staf UTeM dan penyertaan dari luar. Larian ini merupakan aktiviti penutup KPLH yang diadakan pada 29 September 2018.

Aktiviti pameran dan jualan buku daripada para pembekal buku diadakan sepanjang tempoh tiga hari KPLH berlangsung. Pelbagai genre buku yang dipamerkan seperti buku-buku ilmiah, novel, buku-buku motivasi dan lain-lain bahan bacaan yang sesuai untuk warga UTeM. Sambutan daripada para pensyarah dan pelajar ke tapak pameran buku amat memberansangkan.

Secara umumnya objektif penganjuran KPLH bagi mendekatkan PLH dengan warga kampus dan masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan telah mencapai sasarannya. Usaha ini diharapkan dapat mempromosikan aktiviti serta perkhidmatan yang disediakan di PLH dan sekaligus meningkatkan jumlah pengunjung secara fizikal ke Perpustakaan dan statistik penggunaan perkhidmatan yang disediakan. Selain tu, ianya juga memberi peluang kepada warga universiti dan komuniti setempat khususnya pencinta buku untuk mendapatkan naskah terkini bahan-bahan bacaan yang terdapat di pasaran secara terus daripada penerbit dan pembekal buku yang terpilih.

“CERAMAH KESEDARAN PENGGUNAAN KOMPUTER SECARA ERGONOMIK”

Oleh: Siti Zurah Mohd Nasir

Kita biasa mendengar penyakit *slipped disc* pada tulang belakang dan juga dikenal pasti sebagai PID (*prolapsed intervertebral disc*). *Slipped disc* merupakan pengalihan *nucleus pulposus* dari lokasi normal yang duduk di pertengahan *disc*. Ini boleh menyebabkan anggota badan menjadi kebas/ lemah.

Atas kesedaran itu, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) terpanggil untuk berkongsi dengan semua staf tentang pentingnya penjagaan tulang belakang. Oleh itu satu ceramah berkaitan Penggunaan Komputer Secara Ergonomik telah diadakan mengikut dua sesi iaitu Sesi Pertama pada 17 Oktober 2018 yang melibatkan seramai 32 orang staf dan Sesi Kedua pada 24 Oktober 2018 dengan kehadiran staf seramai 35 orang. Selain staf didedahkan tentang kesedaran menguruskan *postur* badan ketika mengendalikan komputer, ceramah yang dikendalikan oleh pakar ergonomik UTeM, Dr. Muhammad Syafiq Syed Mohamed dan Dr. Isa Halim turut diselitkan dengan mengadakan ujian-ujian kesihatan dan senaman ringan untuk dipraktikkan staf ketika melakukan kerja-kerja di tempat kerja.

Apa itu Ergonomik ? Ergonomik merupakan sains yang menyesuaikan tugas dan persekitaran kerja terhadap pekerja.

Statistik Penyakit Pekerjaan berkaitan Ergonomik ? Penyakit yang disebabkan oleh masalah ergonomik adalah penyakit *Occupational Muscular Skeletal Disorders (OMSD)*. Sebanyak 127 kes *OMSD* telah diterima bagi tahun 2017 berdasarkan statistik penyakit dan keracunan pekerjaan 2017.

Kesan Penyakit *OMSD* ? • Kesan penyakit *OMSD* adalah suatu keadaan yang mengganggu fungsi sendi, ligamen, otot, saraf dan tendon, serta tulang belakang. • Hasil daripada kesan penyakit ini akan mengakibatkan rasa sakit dan mengurangkan kemampuan untuk bergerak dalam melakukan kerja rutin setiap hari. • Gangguan penyakit *OMSD* dapat mempengaruhi setiap anggota dalam tubuh. Bahagian utama termasuk leher, bahu, pergelangan tangan, punggung, pinggul, lutut, dan kaki.



Sumber :

<http://www.myhealth.gov.my/slipped-disc-pada-tulang-belakang>

<http://www.dosh.gov.my/index.php/en/industrial-hygiene-ergonomic/pamphlet/2892-pengurusan-ergonomik-di-tempat-kerja/file>



Latihan Kebakaran Bangunan LAMAN HIKMAH & PBPI

Oleh: Zaidi Saad

“Api kecil menjadi kawan,
Besar menjadi lawan”.

Demikian ungkapan yang sering diucapkan bagi menggambarkan bahayanya api khususnya kebakaran bangunan yang risikonya sehingga boleh meragut nyawa.

Panik dan tiada ilmu menyelamatkan diri adalah penyebab utama berlakunya kehilangan nyawa selain menyukarkan tugas menyelamatkan oleh pihak berkuasa.

Sehubungan itu, dalam mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran warga UTeM, satu latihan kebakaran telah diadakan di Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah.

Latihan yang melibatkan operasi pengosongan premis bagi menguji kepantasan bertindak Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah dalam menghadapi kes kebakaran mencapai objektifnya.

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Pustakawan Kanan, Azman Ayup telah berjaya menggerakkan ahlinya mengambil tindakan awal sebelum kehadiran pihak bomba.

Latihan yang diadakan pada 10 Oktober 2018 itu bermula apabila penggera kecemasan dihidupkan dengan tiba-tiba yang memaksa jawatankuasa bertindak mengatur gerak operasi pengosongan bangunan serta-merta.

Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah dan Penerbit Universiti berjaya dikosongkan dalam tempoh kurang 15 minit sebelum kehadiran tiga jentera Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ayer Keroh bagi meneruskan operasi mencari dan menyelamatkan mangsa.

Walaupun ada di antara pengunjung yang panik dan ada yang mengambil tindakan untuk berpatah balik ke dalam bangunan untuk mengambil barangan peribadi, perkara tersebut dapat ditangani dengan jayanya oleh para petugas.

Elemen dramatik turut diselitkan dalam latihan berkenaan bagi menggambarkan situasi sebenar dengan lakonan beberapa orang staf Perpustakaan Laman Hikmah yang 'cedera' dapat diselamatkan oleh pihak bomba dan dibawa ke Pusat Kesihatan UTeM.



Matlamat utama latihan kebakaran ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan kepada penghuni dan pengguna Bangunan Laman Hikmah iaitu Perpustakaan dan Penerbit Universiti serta Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan tentang bahayanya kebakaran, tatacara dan tindakan yang harus diambil sekiranya terjadi kebakaran.

Latihan ini turut melibatkan kerjasama pasukan bomba, Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Pejabat Keselamatan, Pusat Kesihatan, Pejabat Pembangunan dan wakil Pusat Tanggungjawab yang bertindak sebagai pemerhati.

LAWATAN DELEGASI IFLA ke PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH UTeM

Oleh: Fauziah Hassan

IFLA WLIC 2018 - *World Library and Information Congress (WLIC)* merupakan persidangan tahunan antarabangsa terbesar dan paling berprestij. Persidangan ini mengumpulkan golongan profesional dalam sektor perpustakaan dan perkhidmatan maklumat yang disertai oleh lebih kurang 4,000 peserta dari seluruh dunia. Persidangan ini membincangkan lebih daripada 200 kertas kerja berkaitan pelbagai isu dalam bidang perpustakaan dan perkhidmatan maklumat yang turut diterjemahkan secara serentak dalam 7 bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Arab, Mandarin, Perancis, Jerman, Rusia dan Sepanyol.

Penganjuran IFLA WLIC dihoskan oleh negara anggota melalui pembidaan pada setiap tahun mengikut penggiliran benua. Malaysia merupakan negara ke-3 di rantau Asia Tenggara yang menjadi tuan rumah persidangan ini selepas Thailand (1999) dan Singapura (2013). Pada tahun 2016, Malaysia melalui Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama *Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)* telah berjaya dalam pembidaan untuk Kuala Lumpur menjadi tuan rumah 84th IFLA WLIC 2018.

Seramai 3,520 peserta dari 112 buah negara telah menghadiri persidangan ini terdiri daripada 2,224 peserta antarabangsa dan 1,276 peserta tempatan. Persidangan yang berlangsung melibatkan 270 sesi pembentangan dengan lebih 200 kertas kerja dari 600 pembentang. 301 orang sukarelawan telah ditugaskan membantu delegasi dan memastikan ke semua sesi persidangan berjalan dengan lancar.

LAWATAN DELEGASI

Tarikh 30 Ogos 2018 merupakan detik yang cukup bersejarah dan bermakna buat warga Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) kerana telah dipilih menjadi salah satu destinasi bagi tujuan lawatan delegasi *International Federation of Library Association and Institution (IFLA)* bersempena dengan *World Library and Information Congress (WLIC) 2018* yang ke-84. Penganjuran persidangan yang bertemakan '*Transform Libraries Transform Societies*' bertujuan untuk berkongsi dan menyalurkan maklumat terkini, idea dan inovasi dalam bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat dari pelbagai bidang kepakaran serta memanfaatkan sumber jaringan tersebut dalam usaha membangun masyarakat berilmu pengetahuan.

Seramai 60 orang peserta luar negara dan 11 orang sukarelawan serta media dari Malaysia telah menghadiri lawatan ke PLH. Delegasi telah disambut dengan penuh mesra oleh staf PLH dan diiringi dengan tarian kebudayaan oleh pelajar UTeM. Seterusnya diadakan sesi bergambar dan ucapan aluan oleh Mohd Isa Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat dan diikuti dengan ucapan ringkas oleh Azman Hj Ayup, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.

PAMERAN DAN LAWATAN SEKITAR PLH

Dalam usaha untuk memperkenalkan Melaka kepada peserta antarabangsa, PLH telah bekerjasama dengan Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka untuk mengadakan pameran berkaitan dengan tempat-tempat menarik dan kawasan pelancongan di Negeri Melaka termasuklah makanan tradisional, kebudayaan dan lain-lain.

Selain itu, terdapat juga pameran e-Beca oleh CoE-CeRIA dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta delegasi tentang keunikan dan inovasi e-Beca. Beberapa orang peserta delegasi telah berkesempatan untuk menaiki beca yang menggunakan kuasa elektrik ini dan mereka berasa sangat teruja.

Seterusnya peserta dibawa melawat sekitar PLH di mana penerangan telah diberikan oleh pustakawan yang terlibat kepada delegasi yang hadir. Rata-rata mereka memberikan maklum balas yang sangat positif kepada PLH khususnya dan juga Malaysia amnya.





BENKEL PENERBITAN
BUNYAN UM UNIVERSITI

UteM
SEMINAR
STATISTICS TALK
Statistik Mempertahap Cembelak
18 Oktober 2018 (9tharab)
8.30 pagi - 1.00 tghari
Dewan UTMM L
Kampus Teknologi Ayer Keroh,
UTeM

UteM
CHALLENGE TROPHY
ENGLISH LANGUAGE CAMPAIGN
20



Festival / Pesta Buku
PERPUSTAKAAN AMAN HIKMAH
84th IFLA WLIC 2018
IFLA WORLD LIBRARY AND INFORMATION CONGRESS (WLIC)
"TRANSFORMING LIBRARIES: TRANSFORMING SOCIETY"

PERPUSTAKAAN

PROGRAM LITERASI ICT DENGAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH ARAB JAIM TUN RAZAK, BUKIT KATIL, MELAKA

Oleh: Mazura Mustafa

Program Literasi ICT adalah merupakan Program Khidmat Masyarakat yang dijalankan setiap tahun oleh PPPK untuk kelompok masyarakat yang berbeza. Program ini bertujuan menerapkan nilai-nilai murni dan meningkatkan semangat dan motivasi bagi staf PPPK yang terdiri daripada latar belakang dan kemahiran yang berbeza.

Pada tahun ini Program ini ditawarkan kepada pelajar Sekolah Rendah Arab JAIM Tun Razak, Bukit Katil, Melaka seramai 40 orang murid dan diiringi 2 orang guru pengiring. Program yang diperkenalkan adalah Aplikasi Scratch. Aplikasi ini adalah antara salah satu silibus terbaru yang terkandung didalam Subjek Teknologi Maklumat dan Komunikasi Tahun 6.



Program ini telah diadakan dengan jayanya pada 19 Julai 2018 atas kerjasama fasilitator, tenaga pengajar dan pembantu tenaga pengajar sukarelawan terdiri daripada staf PPPK dan staf Perpustakaan Laman Hikmah bertempat di Laman Hikmah.

Program ini mencapai objektif yang telah digariskan iaitu memberi pendedahan kepada murid-murid sekolah tentang hal berkaitan teknikal dan perisian asas bagi komputer, menarik minat murid-murid sekolah serta mendedahkan mereka terhadap penggunaan teknologi maklumat terkini dalam sistem pengajaran dan pembelajaran serta dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian dan menyahut seruan kerajaan

Di samping itu, program ini adalah untuk melaksanakan tanggungjawab sosial, memberi sumbangan perkhidmatan dalam bidang kepakaran masing-masing secara sukarela untuk manfaat anggota masyarakat.

Pendaftaran PELAJAR BAHARU DIPLOMA SECARA MAYA (VIRTUAL)

Oleh: Hayani Abu Yamin & Ruslina Rusmani

Pendaftaran pelajar baharu Diploma di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi sesi semester 2018/2019 telah dilaksanakan secara maya bermula 4 Jun 2018 yang lalu.

Melalui proses ini, pelajar tidak perlu hadir ke kampus dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian menerusi Sistem ULearn. Inisiatif ini adalah relevan dan seiring dengan kemajuan teknologi yang menggalakkan pembelajaran secara atas talian.

Objektif pelaksanaan sistem ini adalah bagi memudahkan proses pendaftaran masuk pelajar baharu yang berada dari seluruh negeri yang mana secara fizikalnya mereka tidak perlu hadir ke UTeM

ekoran musim perayaan yang bakal menjelang tiba serta menjimatkan kos perjalanan pergi balik cuti hari raya nanti.

Walaupun bagaimanapun, pelajar-pelajar perlu hadir secara fizikal dan melapor diri di kampus Induk UTeM bagi mengikuti pengajian sepenuhnya pada 20 Jun 2018.

Seiring dengan keperluan ini, PPPK telah menambahbaik Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dalam memastikan kelancaran setiap proses.

Berikut proses-proses yang dilalui oleh pelajar :-



Pensijilan Semula ISMS

(Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat)

Oleh: Rafiza Mahfoz

Bagi tahun 2018, sesi Audit Dalam telah dilaksanakan pada 03 Julai 2018-6 Julai 2018 di Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi. Audit Dalam telah diketuai oleh Mimi Rahayu Hamdin dan dibantu oleh Mazura Mustafa. Kesemua NCR dan OFI yang diterima semasa Audit Dalam telah berjaya diperbaiki dan ditambahbaik oleh Pasukan PPPK dengan baik. Audit SIRIM telah dilaksanakan pada 20 September 2018 hingga 21 September 2018 (2 hari) di PPPK, diketuai oleh Mohammad Hamidi Yusop dan dibantu oleh Kent Ng Hon Chyuan. Alhamdulillah, PPPK masih berjaya mengekalkan dan menggunakan pensijilan yang diterima ini.

UTeM telah memperoleh Pensijilan Semula ISMS (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat) di bawah standard ISO / IEC 27001:2013 *Information Security Management Systems* bagi tempoh selama 3 tahun mulai 25 Oktober 2016 hingga 24 Oktober 2019 dengan No Pensijilan AR 5989. Skop pensijilan adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Pengurusan dan Pengoperasian Sistem Maklumat Utama UTeM merangkumi Sistem Maklumat Pelajar (SMP).

Pilihan Raya Kampus (PRK)

eVoting v/s mVoting

Oleh: Hayani Abu Yamin dan Ruslina Rusmani



Pilihan Raya Kampus (PRK) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah dilaksanakan pada 4 Oktober 2018 bagi tujuan melantik barisan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) baharu sesi 2018/2019. Sebanyak 11 pusat membuang undi telah diwujudkan di mana sebanyak lima pusat pengundian masing-masing di Kampus Induk, Durian Tunggal dan di Kampus Teknologi Ayer Keroh serta satu di Kampus Bandar Melaka, Jalan Hang Tuah. Saban tahun Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) akan menyediakan keperluan ICT bagi memastikan PRK berjalan lancar. Satu sesi taklimat kepada pelajar yang bertugas turut diadakan bagi melancarkan lagi urusan perjalanan dan pelaksanaan Sistem eVoting ini telah disampaikan oleh Tuan CIO di Bilik Mesyuarat PPPK.

Pada PRK kali ini, PPPK telah bekerjasama dengan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) untuk menambahbaik dan mempertingkatkan lagi medium atau kaedah pengundian oleh para pelajar.

Proses pengundian PRK pada kali ini dilaksanakan dengan menggunakan dua kaedah iaitu :-

- eVoting (eVoting System) – Pengundian dilaksanakan melalui Sistem eVoting bagi para pelajar yang berada di dalam kawasan kampus dan;
- mVoting (Mobile Voting) – Pengundian dilaksanakan melalui Mobile Voting bagi para pelajar yang berada di luar kawasan kampus seperti yang sedang mengikuti latihan industri dan pelajar sarjana yang tidak terlibat secara langsung di dalam kampus.

Selepas proses pengundian ditutup, data dari Sistem eVoting dan Mobile Voting digabungkan (*merged*) untuk keputusan akhir pengundian.

Berdasarkan keputusan pada PRK kali ini, jumlah pengundian meningkat sebanyak 74.49% atau 8888 orang pelajar telah turun membuang undi pada hari tersebut berbanding tahun lepas yang mana hanya sebanyak 70.39% pelajar yang mengundi.

UTeM Berjaya Memperoleh PENGIKTIRAFAN PEMATUHAN SAGA

Oleh : Hayani Binti Abu Yamin



UTeM telah berjaya memperolehi pengiktirafan Pematuhan SAGA atau *Standard Accounting System For Government Agencies*. Semua agensi kerajaan yang mempunyai sistem perakaunan berkomputer perlu memenuhi kriteria SAGA. Sebanyak 20 kriteria perlu dipatuhi iaitu 12 pada kriteria fungsian dan 8 pada kriteria teknikal.

Sesi penilaian bagi pematuhan SAGA ini telah diadakan pada 19 November 2018 yang lalu di Bilik Mesyuarat Utama, Canselor yang dipengerusikan oleh YBhg Prof. Dr. Zulkifli Ibrahim Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan

& Inovasi). Turut bersama Khairul Taib, Bendahari UTeM, Mohd Isa Mohd Dom Ketua Pegawai Maklumat UTeM serta pegawai-pegawai dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dan Pejabat Bendahari.

Sesi penilaian ini melibatkan 6 orang penilai dan 3 orang sekretariat. Jawatankuan panel diketuai oleh Noraini Alias, Pengarah Bahagian Khidmat Perunding Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Majlis Pelancaran

KEMPEN MEMBACA READ@UNI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Bagi menyokong Dekad Membaca Kebangsaan 2030, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) melalui Pusat Sitasi Malaysia (PSM) telah mengambil inisiatif mewujudkan program Read@Uni dengan slogan '*With Knowledge We Lead*' sebagai menyokong hasrat kerajaan dalam menyemarakkan budaya membaca di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia.

Sehubungan dengan itu, perpustakaan di seluruh Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta adalah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan aspirasi program Read@Uni ini bermula 1 Oktober 2018. Objektif penganjuran program ini adalah untuk mempergiat aktiviti galakan membaca di kalangan mahasiswa, pensyarah dan warga institusi. Slogan '*With Knowledge We Lead*' diyakini akan dapat menyemarakkan lagi pembacaan dalam kalangan kumpulan sasaran.

Pada 29 November 2018, Majlis Pelancaran Kempen Membaca Read@Uni Institusi Pendidikan Tinggi telah diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Majlis yang bermula pada jam 2.00 petang itu telah dirasmikan oleh YB Dr.

Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. Turut hadir bersama YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (JPT), Prof. Madya Dr. Zuraidah Abd Manaf, Ketua Pusat Sitasi Malaysia (PSM) dan wakil-wakil dari lebih 30 buah IPT seluruh Malaysia. Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), UTeM turut diwakili oleh lima orang pegawai yang diketuai oleh Siti Saluwa Jamal, Timbalan Ketua Pustakawan yang turut serta dalam pameran Read@Uni.

YB. Dr. Maszlee Malik ketika berucap di majlis pelancaran tersebut menyeru pihak universiti memperbanyakkan aktiviti-aktiviti seperti bedah buku, bual bicara tentang karya-karya besar, wacana dan debat tentang buku-buku yang mengandungi pemikiran-pemikiran yang tinggi.

Di antara pengisian majlis ialah pelancaran Video Read@Uni, penyerahan Garis Panduan Pelaksanaan Program Read@Uni, penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Poster Read@Uni dan pemenang Pameran Terbaik Read@Uni. Tetamu juga turut dipertontonkan dengan persembahan teater pendek oleh Fakulti Filem, Teater dan Animasi UiTM serta lawatan ke tapak pameran.

Pada majlis tersebut, Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memenangi hadiah Pameran Terbaik Read@Uni peringkat IPT. PLH menyokong penuh aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Program Read@Uni ini bagi memupuk minat membaca di kalangan warga institusi dan seterusnya mewujudkan negara membaca pada tahun 2030.

Seminar

“TRANSISI PERPUSTAKAAN GENERASI BAHARU: MEMENUHI ATAU SYOK SENDIRI?”

Oleh: Azman Hj. Ayup ▶

Program *Executive Talk* bertajuk “Transisi Perpustakaan Generasi Baharu: Memenuhi atau Syok Sendiri?” anjuran Seksyen Sirkulasi, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), UTeM telah diadakan di Bilik Tayangan, Aras 2, PLH pada 17 Oktober 2018. Penceramah jemputan ialah Profesor Dr. Sohaimi Zakaria, Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Perdana, Shah Alam.

Program ini bertujuan mengajak peserta memahami kepentingan dan halatuju pengurusan dan penyediaan perkhidmatan perpustakaan dalam memenuhi kesesuaian generasi baharu pengguna kini. Selain itu, ianya turut berperanan sebagai medium perkongsian idea dan pandangan dari kaca mata seorang profesional maklumat dari pelbagai aspek pembaharuan dunia perpustakaan. Program ini turut menyasarkan individu atau organisasi yang terlibat dalam bidang kepustakawanan dan pusat sumber maklumat di Malaysia.

Antara organisasi yang terlibat dalam program ini ialah KYS Business School, Perpustakaan Universiti Teknologi Petronas (UTP), Melaka Manipal Medical College, International Medical College Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) dan Universiti Multimedia. Selain itu, seramai 12 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM turut hadir dalam program ini.

Antara topik dan isu yang dikupas oleh Profesor Dr Sohaimi ialah relevansi kelangsungan tugas pustakawan dalam cabaran masa kini dan akan datang, penyelidikan terkini berkaitan dunia perpustakaan dan maklumat serta perkhidmatan mengikut keperluan pengguna generasi baru.

Seminar *Executive Talk* ini diharap dapat membuka minda pengurus-pengurus maklumat agar bersedia dengan cabaran yang mendatang selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0



SKMM Talk @ Library : “Klik Dengan Bijak”

◀ Oleh: Noraini Mohd noor

Pada 9 Oktober 2018, Perpustakaan Laman Hikmah dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Melaka telah menganjurkan SKMM Talk@Library di Bilik Tayangan, Aras 2, Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM.

Taklimat bertajuk ‘Klik Dengan Bijak’ ini merupakan aktiviti anjuran Unit Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Rujukan, Perpustakaan Laman Hikmah. Ia telah dihadiri seramai 70 orang peserta daripada staf dan pelajar UTeM, pelajar Kolej Yayasan Saad (KYS) dan pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah (KVMT).

Perkongsian yang disampaikan oleh Faezah Noor Misnon, Pengurus Pusat Internet Murai Jaya ini menimbulkan kesedaran peserta dari segi keperluan penggunaan internet secara positif berteraskan

tiga aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia sendiri dalam membendung masalah penyalahgunaan internet dalam kalangan pelajar dan staf.

Di antara lain objektif penganjuran *talk show* ini ialah bagi menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi kerajaan bagi meningkatkan hubungan dengan komuniti di samping mempromosi perkhidmatan perpustakaan kepada warga universiti, agensi kerajaan dan masyarakat luar.

Selain itu juga, turut diadakan kaunter perkhidmatan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Negeri Melaka di Ruang 24 Jam bagi tujuan pendaftaran pemilih baru, permohonan pertukaran tempat mengundi dan lain-lain.



Seni Mural Suntik

KREATIVITI PELAJAR SEKOLAH

Oleh: Bob Faizeli Mohamed Din

Penerbit Universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempunyai cara tersendiri dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama komuniti setempat di Kampung Gangsa, Durian Tunggal, Melaka baru-baru ini. Dalam satu aktiviti yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Gangsa, Durian Tunggal, Melaka, seramai 11 orang staf Penerbit Universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang seni grafik dan reka bentuk telah bergotong royong menghasilkan sebuah mural di bangunan sekolah tersebut.

Menurut Pengarah Penerbit Universiti, Nurhafidz Abdul Sahak ketika ditemui berkata, program CSR yang dianjurkan kali ini agak berbeza kerana menggabungkan unsur kreativiti sambil berinteraksi bersama pelajar dan guru-guru di sekolah berkenaan. "Sewaktu menghasilkan mural, pelajar diberi peluang untuk mencuba serta mempelajari teknik-teknik yang digunakan dan ini secara tidak langsung menyemai minat dan kreativiti mereka untuk menceburkan diri dalam bidang seni grafik," jelas Nurhafidz. Katanya lagi, mural bertemakan penerokaan angkasa lepas itu bakal memberi inspirasi kepada pelajar sekolah berkenaan untuk memperkasakan bidang sains dan teknologi seterusnya mencapai cita-cita yang mereka impikan.

Bagi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Gangsa, Hj. Zakaria Ghazalli pula menyambut baik inisiatif yang dibawakan oleh UTeM dalam menjadikan persekitaran sekolah yang kondusif dan ceria itu. "Pihak sekolah amat berterima kasih kepada Penerbit Universiti, UTeM kerana sudi meluangkan masa dan kepakaran serta memberikan pengalaman istimewa kepada pelajar kami terlibat sama dalam menghasilkan mural yang sangat menarik ini," kata Zakaria lagi.

Ketua Pegawai Maklumat UTeM, Mohd Isa Mohd Dom yang turut hadir dalam program tersebut melahirkan rasa gembira berikutan sambutan yang ditunjukkan oleh pelajar sekolah berkenaan. Ketika ditemui, Mohd Isa berharap agar pelaksanaan program CSR seumpama itu dapat memberi manfaat kepada komuniti sekitar UTeM khususnya dalam menyemarakkan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan menerusi pelbagai aktiviti yang dirancang.

Mural berukuran 10 kaki x 20 kaki itu berjaya disiapkan dalam masa dua hari dan menjadi daya tarikan terbaru di sekolah berkenaan.



Suntingan Buku

INSPIRASI permulaan

BERKARYA

Oleh: Mohd. Hafizuddin Yusof



Penerbit Universiti, UTeM telah menganjurkan satu Bengkel Penyuntingan Buku yang bertempat di Bilik Seminar FTK, UTeM pada 25 dan 26 Julai 2018 yang lalu. Bengkel ini telah dihadiri seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada staf akademik UTeM dari pelbagai latar belakang.

Antara objektif utama bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan dan galakan kepada peserta yang ingin menjadi editor yang berkaliber. Ia juga bertujuan untuk membimbing peserta dalam mengguna pakai kaedah menyunting dan membaca pruf teks dengan menggunakan simbol pruf yang mengikut piawaian antarabangsa dan terkini serta mengikut Gaya Penerbitan Penerbit Universiti. Selain daripada itu, ia memberi ruang kepada peserta untuk berbincang, saling bertukar pendapat dan pengetahuan dalam bidang penyuntingan di samping dapat menanam minat menghasilkan karya suntingan dalam kalangan staf akademik.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Profesor Madya Issham Ismail dan Profesor Madya Dr. Ummul Khair

Ahmad yang didatangkan khas dari UTM, Johor. Antara pengisian ilmu yang dibawa oleh dua orang penceramah ini adalah memahami anatomi buku, memahami tugas-tugas editorial, pemerolehan manuskrip, memahami suntingan naskhah, mengenal dan amali akan simbol penandaan naskhah dan pruf, penyuntingan bahan bukan teks, amali suntingan naskhah dan pembacaan pruf serta suntingan dalam talian. Selain daripada itu, satu sesi perbincangan dan soal jawab antara peserta dengan penceramah juga dilakukan di akhir bengkel ini bagi menjawab kemusykilan yang wujud dalam kalangan peserta.



Usaha positif ini sentiasa mendapat sokongan daripada pihak pentadbiran UTeM memandangkan staf-staf akademik di UTeM begitu banyak membuat penyelidikan dan kertas kerja tetapi kurang menterjemahkannya ke dalam bentuk buku. Di harap usaha ini dapat meningkatkan lagi produktiviti penerbitan ilmiah di UTeM setanding dengan universiti-universiti tempatan di Malaysia.



Apa itu eduroam ?

- Eduroam atau lebih dikenali sebagai 'education roaming' ialah akses perantauan servis yang selamat digunakan di seluruh dunia untuk penyelidikan antarabangsa dan komuniti pendidikan.
- Bermula di Eropah, eduroam telah mendapat momentum di seluruh komuniti penyelidikan serta pendidikan dan kini boleh diakses di 72 buah wilayah.
- Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Kominikasi (PPPK) UTeM, telah mengaktifkan perkhidmatan WIFI secara *roaming* untuk kegunaan penyelidik dan komuniti pendidikan UTeM
- Perkhidmatan ini **hanya boleh digunakan luar dari kawasan UTeM** iaitu di mana-mana universiti di dalam dan luar negara dengan menggunakan katanama (staff id) dan katalaluan (AD) daripada universiti/institusi masing-masing



nama pengguna
(no. staff@domain)
cth :-
(00001@utem.edu.my)



Cara untuk capai?

Katalaluan
katalaluan yang sama untuk
akses ke wifi " UTeM - STaff "

Perlu Bantuan ?

Hubungi Helpdesk PPPK



helpdesk.pppk@utem.edu.my



06 - 270 1102

untuk rujukan kepada senarai institusi yang mengambil bahagian di seluruh dunia dan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan eduroam boleh melawat laman web

<https://www.eduroam.org> (luar negara)

<https://mon.eduroam.my> (Malaysia)



eduroam

MANUAL



1. Select in the 'Apple-menu' the option 'System Preferences'
2. Click 'Settings'
3. Click 'Wi-Fi'
4. Click 'eduroam'
5. Fill the login credentials :
 - username : staff id @utem.edu.my
ex: 00001@utem.edu.my
 - password : your university password
'same as login to ssid
'UTeM-Staff'
6. Click 'Join'
The first time you connect, the question arises wheter you trust the certificate offered by the network. This is normal security question.
7. Click 'Trust' : After about 10sec you are connected with eduroam wifi.



1. From the ' Android Home' screen , click 'Menu' and ,Settings'.
2. Click 'Connections' , click 'Wi-Fi'
3. Click ssid 'eduroam'
4. Select the following settings:-
 - EAP method : PEAP
 - Phase 2 authentication : MSCHAPV2
 - CA certificate : Unspecified
5. Scroll down for the login credentials:
 - Identity : staff id @utem.edu.my
ex:- 00001@utem.edu.my
 - Anonymous identity : this field can be left blank.
 - Password : your university password
'same as login to ssid
'UTeM-Staff'
6. Click 'CONNECT'
After about 10sec you are connected with eduroam wifi.



UTeM CONNECT : SIDANG VIDEO



UTeM Connect merupakan *open-source multiplatform voice (VoIP)*, sidang video dan aplikasi instant message yang boleh digunakan untuk platform web , Windows, Linux, Mac OS X dan Android. Projek ini merupakan revolusi komunikasi bersepadu yang telah dilaksanakan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi sebagai penggerak utama. Sejalan dengan pembangunan WebRTC, fokus pembangunan sistem beralih kepada *Video Bridge* bagi melaksanakan sidang video berkonsepkan *web-based* . Kemudian ditambah pula dengan aplikasi UTeM *Connect*, aplikasi sidang video bagi platform web, ios dan android.

PENINGKATAN PRODUKTIVITI



Peningkatan kadar efisiensi dan produktiviti dengan penggunaan sidang video.

Alternatif terbaik bagi perbincangan jarak jauh, tidak perlu berada ditempat yang sama untuk berkomunikasi.



Mesyuarat boleh diatur dalam masa yang singkat tanpa memerlukan tempahan ruang dan ketersediaan ruang.


Penggunaan yang mudah, tidak perlu *login*. Hanya dengan menekan pautan bagi *room* untuk sidang video untuk mulakan sidang video.

Boleh diakses melalui komputer, laptop dan telefon bimbit. Akses boleh dilakukan dimana sahaja dengan rangkaian internet.

File sharing dan *screen sharing* boleh dilakukan dengan mudah tanpa peranti tambahan, selain itu video dari Youtube juga boleh dikongsikan melalui aplikasi ini.


Teknologi penggabungan video dan audio membolehkan paparan dan suara dapat sampai kepada pengguna dengan kualiti yang tinggi tanpa *delay*.

CIRI - CIRI TAMBAHAN



PERLAKSANAAN FUNGSI FOLLOW-ME

Merupakan ciri-ciri tambahan di dalam UTeM UC, dimana ia berkebolehan melakukan *Call-Transfer* ke nombor telefon bimbit pengguna bagi memudahkan pengguna menerima panggilan tanpa sebarang kos tambahan kepada pengguna. Pengguna masih dapat dihubungi walaupun tidak *login* atau tiada rangkaian internet.



Aku datang memenuhi Panggilan MU.... (Bahagian 2)

Oleh : Mimi Rahayu Hamdin

Setelah 10 hari berada di Madinah, tibalah masanya untuk berangkat ke Mekah. Setelah selesai Subuh, kami mula bersiap-siap dengan pakaian ihram. Kami dibawa ke Bir Ali untuk solat sunat ihram dan terus berniat ihram di sini.

“ Sesiapa yang melanggar miqat hendaklah ia melaksanakan dam iaitu menyembelih seekor kambing. Jika tidak mampu hendaklah berpuasa 10 hari (iaitu 3 hari di masa haji dan 7 hari apabila ia pulang ke tempatnya), sekiranya tidak mampu juga disebabkan tua, hendaklah dikeluarkan satu cupak tiap-tiap satu hari (sebanyak 10 cupak). Jika tidak berdaya juga, maka tertanggunglah zimmah ke atasnya.”

(Boleh rujuk nota haji untuk panduan dam)

Mekah Al Mukaramah

Perjalanan dari Madinah ke Mekah mengambil sekitar 5 hingga 6 jam. Bas berhenti seketika untuk makan tengahari dan solat jamak Zohor dan Asar di sini. Kami tiba di bumi Mekah pada waktu petang. Umrah wajib ditunaikan sebaik selesai solat Maghrib.


Di Mekah kami ditempatkan di Maktab 75. Perjalanan ke Masjidilharam (Haram) sekitar 750 meter. Kami perlu melalui stesen bas sebelum sampai ke Haram. Keadaan panas dan kering di Mekah kadangkala menggugat iman juga. Hehehe...

Pada awal kehadiran, setiap kali waktu solat kami akan berulang alik dari maktab ke Haram. Setelah beberapa kali, kami mengambil keputusan hanya pulang ke bilik selepas subuh. Ini membolehkan

untuk saya mencuci baju dan berehat seketika. Selesai makan tengahari kami akan bersiap sedia untuk ke Haram dan terus berada di sana sehingga selesai Isyak.

Jelajah sekitar Mekah dilakukan selepas Asar. Kebiasaannya makan petang merangkap makan malam dilakukan ketika ini. Pernah cuba Al-Baik? Seperti kedai ayam goreng terkenal di Malaysia juga tetapi ini versi Arab. Setelah solat Isyak kami akan pulang ke maktab untuk tidur dan rutin yang sama akan bermula seawal jam 3.30 pagi esok.

Walaupun demikian jadual ini akan berubah pada hari ceramah diadakan oleh pihak TH atau ketika kami berhajat untuk membuat umrah sunat




Masyair

adalah kemuncak haji bagi kami semua. Selama lebih 10 tahun kami menunggu panggilan ini. Terima kasih untuk ibu yang memaksa saya dan suami untuk mendaftar haji. Peristiwa ini amat indah untuk dikenang. Insya-Allah, kenangan ini tersimpan selamanya sehingga hayat dikandung badan.

“Masyair ialah nama yang diberikan untuk hari-hari kemuncak ibadah haji yang meliputi ibadah wukuf di Arafah, mabit di Mudzalifah dan melontar di Mina.”

Operasi Masyair bermula pada hari ke 8 Zulhijjah, ketika itu semua beg berukuran 5kg telah disiapkan bagi keperluan 5 hingga 6 hari, sedikit makanan dan al-Quran. Memandangkan kami membuat haji Tamattu', kami perlu memakai pakaian ihram dan memasang niat ihram hanya di maktab sahaja. Bas

mula mengambil penumpang bermula waktu zohor untuk di bawa ke Arafah. Perjalanan mengambil masa lebih kurang 1 jam. Di Arafah, kami ditempatkan di dalam khemah besar yang boleh menampung anggaran 300 orang. Di sini haji bermula. Ada dikalangan jemaah sampai ke khemah hampir menjelang subuh. Kasihan...



Keadaan khemah di Arafah. Sumber dari google.com

9 Zulhijjah

Pagi hari bermula seperti biasa. Tiada ibadat khusus dibuat. Jemaah diingatkan perkara-perkara yang perlu dielakkan ketika di dalam ihram. 13 pantang larang perlu dijaga sebaik-baiknya. Suhu ketika ini hampir mencecah 50 darjah Celsius.

Kemuncak di Arafah adalah ketika solat Zohor sehingga Maghrib. Walaupun demikian kami tidak digalakkan untuk terus menerus berada di luar khemah memandangkan cuaca yang tidak mengizinkan. Beberapa jemaah mula terkena strok haba. Mujur ada jururawat berhampiran yang dapat membantu. Ketika masyair, semua jemaah digalakkan untuk melakukan solat jamak Tamam memandangkan kepada keadaan di sini yang boleh dianggap sebagai darurat dan mendesak. Dinasihatkan untuk mengkaji jenis-jenis solat ini bagi tujuan di sana nanti.

Sewaktu cuaca mula reda, saya dan suami mencari tempat yang sesuai di luar khemah untuk berdoa. Senarai doa dari saudara mara dan teman dibaca. Ketika ini, hati menjadi sayu, adakah lagi kesempatan untuk mengulangi semula momen indah ini?

“Sungguh bagai dikata untuk mendapat haji yang mabrur memang sukar. Tapi nak mengekalkan haji yang mabrur lagi sukar!”

Wukuf artinya berdiam diri di Arafah pada waktunya. Wukuf merupakan salah satu rukun haji tidak sah Haji seseorang jika tidak berwukuf di Arafah pada tanggal 9 Dzul Hijjah. Masuknya waktu wukuf sesuai dengan ijma' ulama mulai dari tergelincirnya matahari tanggal 9 Dzulhijjah sampai terbit fajar tanggal 10 Dzulhijjah. Sebaik-baiknya wukuf dilakukan mulai dari tergelincirnya matahari sampai terbenamnya matahari dan sekurang-kurangnya wukuf dilakukan secepatnya, yaitu dengan cara melewati Arafah sekedar thuma'ninah sambil berjalan kaki atau mengendarai kendaraan

لَيْتَ بِنِ أَيْ مَلَأَ بِرِضَى اللَّهِ عَلَيْهِ فَانْ وَقَّتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ بِعِزَّةِ لَقَدْ كَانَ مِنْهُ الْمَوْكُفُ وَعِزَّةٌ عَلَيْهِ مُؤَبَّتٌ وَأَقْبَضَ عَقِبَتِ الشَّمْسِ (مسحیح الترمذی)

Dari Ali Bin Abu Thalib ra, Rasulullah saw wuquf di Arafah lalu bersabda: “Ini adalah tempat wuquf, dan semua Arafah adalah tempat wuquf”. Lalu beliau bertolak (meninggalkan Arafah) ketika matahari terbenam (at-Tirmidzi)

Diriwayatkan bahwa Nabi saw berwukuf setelah tergelincir matahari (HR Mustim)

لَيْتَ بِنِ أَيْ مَلَأَ بِرِضَى اللَّهِ عَلَيْهِ فَانْ وَقَّتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ بِعِزَّةِ فَاسْتَوْرَهُ فَانْزَلَ مُدَابِبًا فَانْزَلَ الْحَجَّ عِزَّةً لَيْتَ بِنِ أَيْ مَلَأَ بِرِضَى اللَّهِ عَلَيْهِ فَانْ وَقَّتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ (رواه ابو داود وغيره)

Dari Abdurahman bin Yamar ra, bahwa: Manusia dari penduduk Najed datang kepada Rasulullah saw di Arafah, bertanya kepadanya. Lalu Rasulullah saw menyuruh seseorang berseru: Haji adalah Arafah. barang siapa datang (di Arafah) di malam jama' (Muzdalifah) sebelum terbit fajar maka ia memperoleh haji. (HR Abu Dawud dll)

Sumber dipetik dari <https://hasansaggaf.wordpress.com/2012/03/05/ii-wukuf-di-arafah/>

Sewaktu menyaksikan matahari 9 Zulhijjah terbenam, maka tamatlah masa Wuquf. Semoga segala doa dan harapan kita semua diangkat di sana. AMIN...

Ketika azan mahgrib berkemundang, kami sudah siap sedia berbaris untuk menuju ke Mudzalifah.

Mabit di Mudzalfah

Perjalanan hanya mengambil masa 30 minit. Ketika tiba di sana, keadaan lengang. Hanya kelihatan padang kosong yang dipagar menyambut kedatangan kami. Solat jamak Maghrib dan Isyak dilakukan di sini. Tikar dibentang dan kami duduk berehat di kawasan ini. Tiada ibadat khusus dilakukan di sini. Sementara mengisi masa, jemaah boleh berzikir, membaca al-Quran ketika berada di sini. Dapat dilihat ketika ini, semua orang adalah sama. Duduk di atas padang pasir. Berkumpul beramai-ramai. Lelaki hanya memakai dua helai kain putih sahaja. Kami berkongsi makanan bersama dengan jemaah yang lain. Sambil saling mengenali antara satu sama lain. Alhamdulillah...

Keadaan menjadi sesak dan padat bila menginjak waktu malam. Ada dikalangan jemaah mencari batu-batu kecil yang akan digunakan untuk melontar keesokan harinya. Namun demikian pihak muassasah telah membekalkan uncang berisi batu kepada semua jemaah.

Masing-masing mula beratur untuk menaiki bas ketika jam 1.00 pagi. Beribu jemaah akan dibawa ke Mina selepas ini untuk melakukan ibadat melontar pula. Bas yang tiba tidak sebanyak ketika awal malam tadi. Boleh dihitung hanya lebih kurang enam buah bas digunakan untuk membawa jemaah yang beribu ini ke Mina. Fahamlah saya pesanan dari ketua, "waktu di mudzalfah kena banyak-banyak bersabar. Cabaran kat situ lain". Ermmm...

Kami tiba di Mina pada jam 3.00 pagi. Alhamdulillah, perjalanan kami ketika ini memang tiada masalah. Setibanya dikhemah, lain pula kisahnya. Setiap jemaah telah ditempatkan di khemah masing-masing. Malah nama telah ditampal di tiang-tiang di dalam khemah itu. Maka sepatutnya jemaah perlu duduk dikawasan yang telah ditentukan. Keadaan sebaliknya berlaku kepada jemaah yang lebih berumur. Walaupun diterangkan berulang kali mereka masih lagi tidak berganjak. Allahu Akhbar! Hahahaha. Lucu sungguh ketika itu. Kami hanya mampu menutup muka sambil ketawa keras!

Teman sebilik dan suaminya tiba di Mina pada jam 9.00 pagi (terakhir). Dengan keadaannya yang kotor dan letih (tapi masih bersemangat untuk bercerita!) membuatkan kami kasihan padanya. Makanan dihulurkan kepadanya. Dalam masa yang sama, saya sedang bersiap-siap untuk keluar dan melakukan ibadat melontar pertama.

Dalam semua ibadat haji, Melontar adalah perkara yang paling saya gusarkan. Peristiwa rempuhan di Mina, perlu berjalan jauh dan pelbagai lagi kisah lain membuat saya bimbang. Pada awalnya TH membuat

pengumuman untuk membawa jemaah keluar melontar pada jam 10.00 pagi. Tetapi dibatalkan saat akhir berikutan cuaca yang panas. Namun demikian saya, suami dan beberapa jemaah lain telah ditemani dengan seorang petugas TH dan dapat melakukannya pada waktu dhuha (ini adalah waktu Sunnah bagi lontaran pertama). Keadaan di jamrah juga tidak sesak dan kami dapat melontar dengan baik dan tepat. Setelah bertahalul maka hanya tinggal 3 pantang larang ihram yang perlu kami patuhi.

Setelah selesai melontar saya dan suami bergerak ke Mekah semula untuk menyudahkan kerja-kerja rukun haji yang lain (tawaf dan saie). Perlu diingatkan, perjalanan masuk semula ke Mekah ketika ini tidak mengikut rombongan TH. Dari kawasan melontar kami perlu berjalan lebih kurang 2km untuk ke kawasan pinggir bandar. Di sini kami menaiki bas (30 riyal) untuk menuju ke Mekah. Setelah membersihkan diri dan menukar pakaian, kami ke Haram untuk tawaf dan saie. Memandangkan keadaan yang padat ketika ini, tawaf dilakukan di tingkat 2 dan perlu mengambil sedikit masa yang panjang. Semuanya selesai setelah 2 jam berlalu. Maka dengan itu, kami telah selesai rukun haji dan hanya tinggal ibadat melontar sahaja. Segala 13 pantang larang ihram juga telah selesai sesuai tamatnya kerja-kerja rukun haji.

Sebelum pertengahan malam, kami perlu berada semula di Mina untuk meneruskan ibadat wajib haji yang lain. Bersama-sama kami ketika ini, seorang jemaah dari USA telah menaiki van yang sama untuk ke Mina. Kami terpinga-pinga ketika pemandu van menurunkan kami di tepi *highway*! Mujur ada orang tempatan bersama kami ketika itu. Kami mengikut mereka berjalan di celah-celah bukit untuk masuk semula ke Mina.

Mina dihadapan mata setelah terlihat ribuan khemah putih terbentang luas! Masalah. Kami sesat! Ok tenang. Mula-mula kami mencari peta untuk melihat kedudukan kami. Masalahnya kami tiada rujukan nombor khemah kami. Alhamdulillah, di tag nama ada nombor telefon yang boleh dihubungi. Setelah mendapatkan nama jalan dan zon khemah, kami mula berjalan.


Kelihatan khemah-khemah lain kemas dan bersih. Ramai jemaah bersantai-santai diluar khemah. Ada juga yang menjual barangan. Setelah 15 minit berjalan, akhirnya kami sampai ke terowong yang kami kenali. Tidak jauh dari situ berdiri tiga orang jemaah wanita Malaysia. Setelah bertanya kepada mereka, akhirnya kami berjaya pulang ke khemah. Alhamdulillah...

Memandangkan kami akan melakukan nafar awal, maka hanya tinggal dua malam sahaja lagi di Mina. Ketika ini, masa hanya diisi dengan mengaji dan berzikir. Lontaran untuk ketiga-tiga jamrah dapat dilakukan dengan mudah tanpa kejadian tolak-menolak. Kawasan lontaran yang telah dibesarkan dan jemaah haji mengikut zon kawasan masing-masing memudahkan lagi urusan ibadah lontaran ini dibuat.

Pada 12 Zulhijjah, kami mula bergerak ke tempat melontar pada jam 3.30 pagi. Kami akan bersolat Subuh disekitar jamrah dan seterusnya melakukan lontaran terakhir. Semuanya berjalan seperti yang dirancang. Setelah selesai kami pulang semula ke

khemah untuk bersiap-siap pulang semula ke maktab. Di Mekah nanti jemaah lain akan melakukan tawaf dan saie haji masing-masing. Memandangkan kami telah menyelesaikan rukun haji, maka kami hanya berehat dan melakukan rutin biasa sahaja. Ketika ini keadaan di Mekah mula sesak semula. Ketika solat fardu, setelah azan berkumandang, imam akan terus solat wajib tanpa menunggu untuk solat sunat terlebih dahulu. Surah-surah yang dibaca juga agak ringkas untuk memberi peluang kepada jemaah haji menunaikan kewajipan masing-masing.

Teman-teman sebilik mula membuat 'penambahan belian' disaat akhir dan mula membungkus barangan yang akan diposkan.



Suasana hari ketika selesai melontar



Pulang

Seperti biasa sehari sebelum penerbangan, beg-beg besar telah dihantar terlebih dahulu. Baju-baju telah dikemaskan. Seawal jam 11.00 malam kami mula ke Haram. Kami akan melakukan tawaf Wadak pada jam 1.00 pagi. Suasana di dalam Haram sangat meriah. Ramai yang bertawaf di Mataf. Kami mengambil keputusan untuk melakukan tawaf di tingkat 2. Walaupun lebih besar pusingannya tetapi kami dapat lakukan dengan baik tanpa perlu tolak-menolak.



Sebahagian dari teman bilik ketika berangkat pulang

Setelah sampai di Lapangan Terbang Jeddah, solat Zohor berjemaah didirikan. Kapal terbang berlepas pulang pada jam 3.00 petang waktu tempatan.

Demikianlah serba ringkas perjalanan haji kami pada tahun 2017. Semuanya dipermudahkan olehNYA. Penulisan ini dibuat agar dapat memberi sedikit gambaran kepada bakal jemaah haji yang lain tentang keadaan suasana ketika di sana. Sentiasa bersangka baik dengan Allah, Insya-Allah segalanya akan dipermudahkan.

Banyakkan berdoa dan berharap hanya kepadaNYA, bertepatan dengan firman-Nya dalam surah Al Baqarah ayat 153 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan kepada Allah dengan sabar dan solat, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar."

Sekian.

Belasungkawa

KHAIRUL REDZWAN MD. ALI (1983-2018)

Oleh : Suhadawati Ahmad dan Harulrizam Mohamed

**Innalillahi wainailaihi roji'un....
Wahai sahabat, dalam usiamu
yang masih muda, semangat masih
membara dalam mengejar cita-cita
akhirnya kau pergi jua bertemu
dengan penciptamu. Sesungguhnya
Allah lebih sayang dan rindu
denganmu, Allah ingin bertemu
denganmu.**

Pada 3 Ogos 2018, kita telah dikejutkan dengan berita sedih yang menyentuh hati, sahabat yang disayangi Khairul Redzwan Md Ali (no. staf 01561) telah pergi bertemu Illahi. Almarhum telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru pada sekitar jam 10.45 malam pada usia yang telah mencecah 34 tahun pada September 2018 lalu kerana menghidap pengakit advanced presacral tumor.

Almarhum dilantik menjawat tugas sebagai Pembantu Pustakawan (S19) pada 12 Ogos 2008. Beliau telah berkhidmat di Unit Perolehan selama tujuh tahun, mulai tahun 2008 hingga tahun 2015. Kemudian ditukarkan ke Seksyen Sirkulasi Perpustakaan Laman Hikmah mulai tahun 2016 hingga Mac 2018, bagi meningkatkan kemahiran serta laluan kerjaya beliau dalam bidang pustakawan.

Beliau merupakan seorang staf yang berbakat dalam pengurusan laman sosial dan sebagai seorang jurugambar. Bakat dan kebolehan yang dimilikinya, beliau telah ditugaskan untuk membantu Seksyen Rujukan mulai April 2018. Sikap beliau yang mudah mesra dan suka bergurau senda menyebabkan beliau amat disenangi oleh rakan-rakan sekerja.

Selamat jalan sahabat, kisahmu tak akan pernah kami lupakan. Semoga Allah menghapus segala dosa dan kesalahan serta menempatkanmu dalam SyurgaNya. Amin...

Sahabat....

**Kau hadir sebagai penghibur
Kau selalu membuat kami merasa
terhibur walaupun terkadang kami
seringkali tidak mengerti sikapmu
Tapi itulah yang membuatkan kau
berbeza
Tawamu yang dulu riuh kini hilang
tinggal kenangan
Semoga kau tenang dan damai di
sana...**

Al- Fatimah, Khairul Redzwan Md Ali



PEKA BAHASA

Biasakan yang **BETUL**
BETULKAN yang biasa

LEMBAR BAHASA

PENGGUNAAN AWALAN PINJAM

SALAH	BETUL
anti sosial	antisosial
dwi fungsi	dwifungsi
pasca ijazah	pascaijazah
pro kemerdekaan	prokemerdekaan
tata rias	tatarias

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa 1. 2013. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KESILAPAN EJAAN

SALAH	BETUL
buffer	bufet
definasi	definisi
hakmilik	hak milik
Insyaallah/insya Allah	insya-Allah
sekaligus	sekali gus

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa 1. 2013. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KECELARUAN MENGEJA KATA
BERCIRIKAN KATA MAJMUK

SALAH	BETUL
acapkali	acap kali
barang kali	barangkali
dahulukala	dahulu kala
selangseli	selang-seli
walaubagaimanapun	walau bagaimanapun

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa Bil.2. 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KESILAPAN EJAAN

SALAH	BETUL
isipadu	isi padu
istirehat	istirahat
kawalselia	kawal selia
lalulintas	lalu lintas
menaik-tarafkan	menaiktarafkan

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa. 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KESILAPAN EJAAN

SALAH	BETUL
isipadu	isi padu
istirehat	istirahat
kawalselia	kawal selia
lalulintas	lalu lintas
menaik-tarafkan	menaiktarafkan

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa. 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KESILAPAN EJAAN

SALAH	BETUL
bandaraya	bandar raya
campurtangan	campur tangan
jawatan kuasa	jawatankuasa
maksima	maksimum
profesyen	profesion

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa 1. 2013. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KESILAPAN EJAAN

SALAH	BETUL
berserta	berserta
gembeleng/gembeling	gembeleng
kelendar	kalender
lojik	logik
merbahaya	berbahaya

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa 1. 2013. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KECELARUAN MENGEJA KATA BIASA

SALAH	BETUL
kobis	kubis
margastua	mergastua
murtabak	martabak
taukeh	tauke
yaitu	iaitu

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa 2. 2012. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KECELARUAN MENGEJA KATA BIASA

SALAH	BETUL
cendera mata	cenderamata
justru	justeru
durhaka	derhaka
anggrik	anggerik
pesaka	pusaka

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa 2. 2012. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

LEMBAR BAHASA

KECELARUAN MENGEJA KATA MAJMUK

SALAH	BETUL
carigali	cari gali
keretapi	kereta api
matapelajaran	mata pelajaran
tanda tangan	tandatangan
suka rela	sukarela

Sumber: Koleksi Lembar Bahasa 2. 2012. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Poster disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat

Tahniah Kenaikan Pangkat

Pusat Pengetahuan Perkhidmatan dan Komunikasi (PPPK)

Ruslina binti Rusmani
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan/F44

Al-Qais bin Alias
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan/F44

Penerbit Universiti (PU)

Puan Fatonah binti salehudin
Pegawai Penerbitan Kanan/N44

Encik Mohamad Rashid bin Jantan
Pustakawan Kanan (Memangku) /S44

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

Encik Azman bin Hj Ayup
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
(Memangku) /S52

Puan Wizana Binti Abd. Jalil
Pustakawan Kanan (Memangku) /S44

Puan Noraini Binti Mohd Noor
Pustakawan Kanan/S44

Puan Hasliza Binti Mohamed
Pustakawan Kanan (Memangku)/S44

Encik Mohd Nazir bin Taib
Pembantu Pustakawan/S22

Nik Syukran Muiz bin Rashid
Pembantu Pustakawan (KUP)/S22

Mohd Nazir bin Taib
Pembantu Pustakawan (KUP)/S22

PERTUKARAN DALAMAN

Encik Zaidi bin Saad
Pustakawan/S41
dari Seksyen Pembangunan Koleksi ke
Seksyen Sirkulasi (mulai 15 Oktober, 2018)

Encik Mohd Razif bin Dzulkpli
Pustakawan/S41
dari Seksyen Sikulasi ke Seksyen Pembangunan
Koleksi (mulai 15 Oktober 2018)

BERHENTI

Norfaezah binti Mohd Khairi
Pegawai Teknologi Maklumat/F41 (Kontrak)
Bahagian Infrastruktur ICT, PPPK
(5 September 2016 - 4 September 2018)

Catatan



UTeM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UTeM



www.utm.edu.my

PENERBIT UTeM Press

Laman Sesawang : www.utm.edu.my/penerbit

Kedai Buku Atas Talian : utembooks.utm.edu.my

Emel : penerbit@utm.edu.my